

14 NOV 1999

Daim-Tanding

DAIM SEDIA BERTANDING DI MANA-MANA SAHAJA

MERBOK, 14 Nov (Bernama) -- Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin bersedia bertanding di mana-mana sahaja kawasan yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan parti.

Pada masa yang sama, beliau enggan memberi jawapan jelas terhadap spekulasi bahawa beliau tidak akan bertanding.

"Di mana sahaja diarahkan bertanding, saya akan ikut...tidak menjadi masalah.

"Sebarang keputusan kedudukan saya ditentukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebagai anggota parti yang berdisiplin, saya akan buat apa yang diarahkan," katanya kepada pemberita selepas majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Marhaban dan Nasyid Tabika Kemas Negeri Kedah di Masjid Merbok, di sini, hari ini.

Pelbagai pihak telah membuat andaian bahawa Daim, yang juga Anggota Parlimen Merbok, akan bersara dari arena politik.

Spekulasi itu bersandarkan keadaan ekonomi telah pulih dan beliau mahu menumpukan perhatian dalam bidang perniagaan.

Daim berkata yang sebenarnya pada pilihan raya 1995, beliau telah meminta supaya tidak dicalonkan berikutan dengan peletakan jawatan sebagai Menteri Kewangan pada 1991.

"Tahun itu saya memang mahu bersara, tetapi telah diarahkan juga bertanding," katanya.

Ditanya pula sama ada sekarang, yang menyaksikan kegawatan ekonomi telah pulih, adalah masa sesuai untuk beliau bersara dari arena politik, Daim berkata: "Itu memang niat saya".

"Bila ekonomi pulih memang saya ingin bersara... sama ada masanya sesuai atau tidak, akhirnya pucuk pimpinan yang buat keputusan," katanya.

Mengulas mengenai Belanjawan 2000, beliau berkata belanjawan akan dibentangkan semula selepas kerajaan baru dibentuk nanti.

"Masa sebulan yang tinggal iaitu pada Disember (selepas pilihan raya dan masuk ke tahun 2,000), mencukupi untuk meluluskan belanjawan berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

MZM NAK